

Projek KWRC RM1.6 billion

» 'Bandar Resort Pinggir Air' di Tanjung Lumpur bakal ubah wajah Kuantan

Oleh Irwan Shafrizan Ismail
irwansha@bharian.com.my

► Kuantan

Newston International Group Sdn Bhd akan melaksanakan pembangunan harta tanah, Kuantan Waterfront Resort City (KWRC) di Tanjung Lumpur, Kuantan, membaikkan nilai pembangunan kasar (GDV) RM1.6 billion.

Projek KWRC yang bercirikan 'Bandar Resort Pinggir Air' akan dibangunkan di tapak tebus guna seluas 202 hektar dan dijangka mula dilaksanakan menjelang pertengahan tahun depan.

Pengarah Projek KWRC, Tan Sri James Foong Cheng Yuen, berkata projek berkenaan bakal dilengkapi pelbagai kemudahan serta tarikan pelancongan

merangkumi hotel, kawasan kediaman, pusat komersial, pusat perniagaan, perubatan dan kesihatan.

"KWRC akan dibangunkan dalam lima fasa antara 10 hingga 15 tahun. Fasa pertama akan bermula dengan projek tebus guna tanah bagi pembangunan perumahan termasuklah pangaspuri, banglo dan hotel," katanya.

Beliau berkata demikian berucap pada majlis Memeterai Perjanjian Pembangunan Projek Kuantan Waterfront Resort City, Tanjung Lumpur, di Hotel Zenith, di sini, semalam.

Pada majlis itu, Sultan Pahang, Sultan Ahmad Shah berkenan berangkat menyaksikan majlis memeterai perjanjian antara Kerajaan Negeri Pahang dengan Newston.

Hadir sama, Menteri Besar Datuk Seri Adnan Yaakob dan Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Seri Muhammad Safian Ismail.

Pusat pelayaran

Mengulas lanjut, Cheng Yuen berkata, hampir 25 peratus kawasan projek itu akan dibangunkan menjadi pusat pelayaran serta marina yang bakal menarik



Sultan Ahmad Shah berkata sesuatu kepada Adnan (kiri) ketika melihat **model Projek Kuantan Waterfront Resort City** di Kuantan, semalam.

[FOTO AZMAIDI ABIDIN/BH]

pelayar serta kapal dari serata dunia.

Beliau berkata, antara kemudahan dan tarikan pelancongan yang akan diwujudkan ialah taman tema air, aquaria, pusat beli belah, kedai bebas cukai, terminal kapal layar, restoran terapung, pusat konvensyen dan hotel.

Katanya, projek itu bakal

mengubah wajah bandar Kuantan serta menyerlahkan penampilan baru landskap keseluruhan bandar dan menjadikannya ikon pelancongan.

"Ia bakal menarik kunjungan lebih dua juta pengunjung setahun ke bandar ini dan menyediakan mereka pengalaman serta destinasi gaya hidup yang menarik," katanya.